



## Skim galak penyelidikan berhubung penuaan

EMPAT program penyelidikan penuaan menjadi kumpulan kajian perintis yang dianugerahkan geran di bawah Skim Pembiayaan Program Penyelidikan Berdaya Saing (CRP) semalam.

Skim Pembiayaan CFP yang dikendalikan Yayasan Penyelidikan Kebangsaan (NRF) akan membiayai sehingga \$10 juta bagi setiap projek penyelidikan untuk tempoh antara tiga hingga lima tahun.

Geran itu bertujuan mengenal pasti bidang-bidang penyelidikan strategik bagi Singapura, lantas membantu negara membangunkan

keupayaan baru.

Menurut NRF, program penyelidikan yang akan dibiayai ialah:

- ▶ Penyakit berkaitan neurodegeneratif yang diusahakan Makmal Sains Hayat Temasek

- ▶ Pendekatan integrasi untuk menghadapi kelemahan warga yang diusahakan **Universiti Teknologi Nanyang (NTU)**

- ▶ Sel terapi bagi jantung menggunakan sel yang diprogram semula, diusahakan Pusat Jantung Nasional

- ▶ Angin ahmar dengan tumpuan pada Stenosis yang diusahakan **Universiti Nasional Singapura (NUS)**.

Menurut Profesor James Foley, Pemangku Pengerusi Panel Penilaian Antarabangsa (IEP) dan anggota Lembaga Penasihat Saintifik NRF, penyelidikan tentang isu penuaan adalah penting kerana penduduknya semakin tua.

“Terdapat banyak peluang bagi penyelidik Singapura menyumbang kepada penemuan ini...”

“Projek penyelidikan itu juga akan membawa kepada pemahaman lebih tinggi berhubung proses biologi penuaan dan membawa kepada rawatan penyakit,” ujarnya.